

LAPORAN PENYELIDIKAN

**KAJIAN PEMAHAMAN, KESEDARAN PATRIOTISME DAN CABARANNYA DALAM
KALANGAN BELIA BANDAR DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

BARISAN PENYELIDIK:

PROF. MADYA DR. SARJIT SINGH DARSHAN SINGH (KETUA PENYELIDIK)

PROF. DR. JAYUM JAWAN (PENASIHAT)

PROF. MADYA DR. AHMAD TARMIZI TALIB

DR. ARIS ARIF MUNDAYAT

SDR. MOHD RAHIMI RAMLI (PEMBANTU PENYELIDIK)

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

DAN

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

2014

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kajian Pemahaman, Kesedaran Patriotisme Dan Cabarannya Dalam Kalangan Belia Bandar Di Semenanjung Malaysia

PENDAHULUAN

Dewasa kini generasi muda semakin terdedah dengan pelbagai media social baharu yang membuka ‘pemikiran’ generasi belia. Terdapat segelintir kalangan mereka mulai mengalami hakisan semangat patriotism sehingga boleh memberi kesan kepada usaha merealisasikan Wawasan 2020. Generasi belia wajar meningkatkan daya juang melalui semangat patriotism dan perjuangan yang berpaksikan nilai budaya watan yang tidak melanggar tatasusila kemanusiaan sejagat. Pembangunan manusia juga harus mementingkan aspek kemanusiaan yang lain kerana masyarakat Malaysia turut dilanda dengan pelbagai masalah sosial yang boleh mengancam kestabilan social dan seterusnya menakutkan para pelabur asing. Walaupun masa kini masalah social belum lagi menjadi serius dan masih terkawal, tetapi masalah tersebut telah menjadi semakin membimbangkan.

OBJEKTIF KAJIAN

- a) Mengenal pasti pemahaman belia terhadap patriotisme
- b) Mengukur tahap kesedaran golongan belia bandar terhadap semangat patriotisme
- c) Mengenal pasti cabaran yang menghalang penghayatan patriotisme dalam kalangan belia bandar

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk Kajian:

Kajian penyelidikan kuantitatif dengan pendekatan survey.

Persampelan:

500 orang responden belia berumur 15-40 tahun dipilih menggunakan teknik persamplean secara berstrata (*random stratified sampling*).

Lokasi:

Setiap negeri yang mewakili empat zon utama di Semenanjung Malaysia dengan tumpuan ke atas kawasan bandar seperti berikut:

- a) Zon Utara : Pulau Pinang & Perak (*125 orang*)
- b) Zon Tengah : Selangor (*125 orang*)
- c) Zon Selatan : Melaka dan Johor (*125 orang*)
- d) Zon Timur : Pahang (*125 orang*)

Kajian rintis:

Dilaksanakan pada April 2014 melibatkan 40 orang responden belia pelbagai kaum.

DAPATAN KAJIAN

- a) Pemahaman belia di Semenanjung Malaysia terhadap patriotisme berada pada tahap tinggi
- b) Kesedaran belia di Semenanjung Malaysia terhadap semangat patriotisme berada pada tahap tinggi
- c) Cabaran dalam pemupukan penghayatan pastriotisme di kalangan belia di Semenanjung Malaysia berada pada tahap sederhana

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini mengesahkan bahawa pemupukan nilai patriotisme adalah sebagai agenda utama pemerintah untuk memperkuuhkan perpaduan kaum. Isu-isu patriotik amat mudah dimanipulasi pelbagai pihak untuk kepentingan tertentu dan disensasikan oleh pihak penyebar maklumat termasuk media, pemimpin politik dan NGO sehingga menimbulkan keresahan kalangan masyarakat. Peranan media, pemimpin dan NGO serta kerajaan sendiri perlu bertanggungjawab dalam membentuk nilai patriotisme dari segi penyediaan maklumat dan penyampaian serta mendokong aspirasi negara.

CADANGAN

- a) Kerajaan, komuniti, badan-badan organisasi seperti Majlis Belia Negara (MBN) dan individu itu sendiri perlu memainkan peranan masing-masing. Program-program yang ingin dijalankan perlu dirangka bersama pakar-pakar dan menepati kehendak belia.
- b) Pihak sekolah dan IPT perlu memastikan semua kelab-kelab atau persatuan-persatuan mempunyai pengisian patriotisme dalam aktiviti mereka.
- c) Program PLKN yang sedia ada perlu dipastikan bahawa ianya sentiasa terus menjadi program yang utama dalam memupuk nilai patriotism kalangan belia.
- d) Penerangan berterusan kepada golongan belia mengnai tanggungjawab sebagai warganegara dan pendidikan serta patriotism sepanjang masa.